



BORANG PENYERTAAN

PERTANDINGAN MENCipta LOGO (PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2018)

1. BUTIRAN PESERTA

a) Nama :

b) No.Kad Pengenalan :

c) Bahagian / Unit / Muzium :

d) Emel :

e) No. Telefon :

2. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.

Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Jabatan Muzium Malaysia sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Tarikh :

Cop Agensi

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

(PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2018)

1. SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

- i. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua kakitangan dan pelajar praktikal di semua muzium di seluruh Malaysia.
- ii. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walaubagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.
- iii. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak diceduk/ditiru/diciplak dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara.
- iv. Semua logo dan tema yang diterima oleh Urus Setia akan menjadi hak milik Jabatan Muzium Malaysia dan tidak akan dikembalikan. Jabatan Muzium Malaysia berhak ke atas logo dan tema yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam program berkaitan sebagai hak milik Jabatan Muzium Malaysia.

2. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- i. Reka Bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Urus Setia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
- ii. Reka Bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7 cm) berwarna putih dan juga disediakan dalam bentuk softcopy menggunakan format AI (Adobe Illustrator) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan software terkini yang bersesuaian.
- iii. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- iv. Reka Bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

3. SPESIFIKASI TEMA

- i. Setiap tema yang dihantar hendaklah mengandungi perkataan '**BERMALAM DI MUZIUM**'.
- ii. Tema yang dicipta hendaklah menekankan konsep dengan menitikberatkan aspek/ciri-ciri:
 - Patriotik
 - Perpaduan Kaum
- iii. Tema tersebut hendaklah dikaryakan dalam Bahasa Melayu untuk '**PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM**'.

4. PENYERTAAN

- i. Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan.
- ii. Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu:
 - Nama Penuh
 - Nombor Kad Pengenalan
 - Unit / Bahagian / Muzium
 - Nombor Telefon dan;
 - Emel.
- iii. Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk hard copy kepada **Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur** dan soft copy ke alamat emel logomalam2018@gmail.com dalam format .ai dan .jpeg.
- iv. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **1 Mac 2018 (Khamis)** dan mestilah sampai sebelum atau pada tarikh tersebut.
- v. Sebarang penyertaan yang diterima selepas **1 Mac 2018 (Khamis)** tidak akan dilayan oleh pihak Urus Setia.
- vi. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.

5. METODOLOGI PENILAIAN

- i. Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima daripada peserta yang menyertai pertandingan ini.
- ii. Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap layout/rekaan logo yang dihantar kepada Urus Setia pertandingan.
- iii. Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dilantik.
- iv. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai.
- v. Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- vi. Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai sekiranya perlu.

6. HADIAH

- i. Pemenang akan menerima sijil penyertaan dan wang tunai untuk pemenang pertama, kedua dan ketiga sahaja bagi setiap satu logo serta rekaan pemenang akan diguna sebagai bahan promosi Program Bermalam di Muzium.
- ii. Hanya satu reka bentuk logo sahaja akan dipilih di antara tiga pemenang akan digunakan sebagai logo Bermalam Di Muzium.
- iii. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon atau surat atau emel.
- iv. Majlis penyampaian hadiah akan dilakukan dalam satu majlis yang akan diberitahu kelak.